

## EMULSI BENZYL BENZOATE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- + Ubat ini untuk merawat penyakit kudis buta/ hama (*scabies*).
- + Ia juga untuk merawat dan menghalang jangkitan kutu badan.

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- + Ubat ini melumpuh dan membunuh kutu dan hama.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA GUNA

Untuk merawat penyakit kudis buta / hama (*scabies*).

1. Mandi dengan air suam dan keringkan badan.
2. Sapu ubat ke seluruh badan kecuali bahagian kepala dan muka.
3. Biarkan ubat kering sebelum memakai pakaian.
4. Biarkan ubat pada badan untuk selama 24 jam.
5. Cuci badan dengan bersih dan keringkan (biasanya 1 botol 30 ml mencukupi untuk seorang dewasa). Rawatan diulang sekiranya perlu seperti diarahkan oleh doktor.



\*Bagi kanak-kanak berumur 2-12 tahun, ubat ini perlu dicairkan dengan amaun air yang sama dengan amaun ubat.

### C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN? (sambungan)

Untuk merawat dan menghalang jangkitan kutu

1. Cuci rambut dan keringkan.
2. Sapukan ubat pada rambut dan biarkan selama 24 jam.
3. Cuci rambut dengan air suam dan syampu.
4. Bilas rambut dan keringkan.
5. Buang kutu yang mati menggunakan sikat bergigi rapat.

(Sekali penggunaan biasanya sudah mencukupi. Simptom kegatalan mungkin masih dialami selepas rawatan namun, tidak bermakna ubat ini tidak berkesan. Simptom mungkin berterusan beberapa hari hingga beberapa minggu walaupun kutu telah mati. Ini disebabkan masih terdapat kesan alahan yang mungkin mengambil masa untuk reda. Rawatan boleh diulang sekali lagi sekiranya masih terdapat kutu / selepas 7 hari.

\*Bagi kanak-kanak berumur 2-12 tahun, ubat ini perlu dicairkan dengan amaun air yang sama dengan amaun ubat.

### B. JIKA TERLUPA

Sekali penggunaan biasanya sudah mencukupi. Namun, rawatan boleh diulang seperti diarahkan oleh doktor.

### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- ➊ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ( $23^{\circ}\text{C}$  -  $27^{\circ}\text{C}$ ), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ➋ Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!

### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai sejarah alahan dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan



### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan  
(contoh: kulit menggelupas, rasa terbakar pada kulit).
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini.



## E. KESAN SAMPING UBAT

**AMARAN !!**

**SEKIRANYA**

**TANDA-**

**TANDA INI**

**BERLARUTAN**

**SILA**

**RUJUK**

**DOKTOR**

- ⊕ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Rasa terbakar
- Kegatalan

- ⊕ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Reaksi alahan seperti kegatalan, sesak nafas, ruam, bengkak pada bibir,muka atau lidah.
- Sukar untuk membuang air kecil
- Pergerakan tersentak
- Pengsan

Rujukan:

- <https://www.drugs.com>
- [www.medscape.com](http://www.medscape.com)
- [Lexi-Comp](#)